



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	: SINAR HARIAN		
TARIKH	: 29/12/2019	MUKA SURAT	: 13
JABATAN	: SPAN		
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		

Tingkatkan pemantauan

Bagi mengelakkan kes pencemaran di kawasan sumber air mentah terus berlaku

KUALA LUMPUR

Aspek kesiapsiagaan dalam hal pemantauan oleh pihak berkuasa perlu dipertingkatkan lagi bagi mengelakkan kes pencemaran di kawasan sumber air mentah terus berlaku, yang akhirnya memberi kesan terhadap bekalan air.

Pakar kualiti air, Dr Mohd Yusoff Ishak menegaskan, langkah proaktif itu amat penting berikutan beberapa kes pencemaran bau yang menyebabkan gangguan bekalan air di

Selangor baru-baru ini.

"Ini kali ketiga (pencemaran air) yang berlaku menyebabkan ramai yang terjejas," kata pensyarah kanan Fakulti Pengajian Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia itu.

Pada 21 Disember lepas, Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas sepenuhnya ekoran insiden pencemaran bau di Sungai Semenyih, berpunca daripada perbuatan tidak bertanggungjawab pihak tertentu membuang bahan sisa buangan haram di luarang pembetulan sekitar loji milik Indah Water Konsortium Sdn Bhd.

Susulan penutupan itu, 366 kawasan dengan akaun pengguna sebanyak 328,957 di Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang telah terjejas.

"Untuk tahun ini, sebelum ini di lokasi sama iaitu LRA Sungai Semenyih (ter-



Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari (dua dari kiri) meninjau kerja-kerja penyedutan air dari Tasik Idaman Kampung Sungai Buah untuk disalurkan ke Sungai Semenyih yang berbau bagi menangani isu pencemaran Sungai Semenyih baru-baru ini.

jejas dengan pencemaran) dan di Nilai, Negeri Sembilan apabila disyaki akibat dalang pencemaran daripada kawasan perindustrian Nilai," katanya.

Sementara itu, Mohd Yusoff berkata, penggunaan teknologi yang lebih canggih adalah amat penting dalam usaha mencegah pencemaran sungai.

"Contohnya, kita perlu menggunakan dron (kamera) dan pemantauan itu mestilah berdasarkan data.

"Kita perlu menyasarkan beberapa loji sisa kumbahan (untuk dipantau) yang kita rasa berpotensi untuk mencemarkan sumber air," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Halem Mat

Som berkata, Air Selangor yang berperanan menjaga LRA dari segi pengeluaran dan pengagihan bekalan air mempunyai pasukan pakar yang memantau dari segi

kualiti air sungai.

"Dia (pasukan pakar) akan beri makluman (sekiranya air tercemar) lebih awal. Bermakna kita mampu mengesan lebih awal

jika pencemaran bakal berlaku," katanya.

Selain itu, Abdul Halem berkata, Air Selangor turut mengambil langkah dengan melakukan program bagi mendidik orang awam supaya peka dengan alam sekitar dan sungai.

"Mungkin ramai yang tidak perasan bahawa sungai adalah sumber utama air mentah kita. Kadangkang, apabila dia (pihak tidak bertanggungjawab) buang (sampah) ke longkang, tanpa dia sedar apa yang dibuang itu akan sampai ke sungai," katanya.

Sehubungan itu, pihaknya bercadang melaksanakan kempen serta tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan lebih kerap untuk memberi makluman kepada orang ramai berhubung kepentingan menjaga sungai. - Bernama



Penduduk Pangsapuri Sri Tanjung USJ 8 Subang Puteri Nur Diyana, 22, (depan, kiri) mengangkat botol yang telah ditadah berikutan gangguan bekalan air yang berlaku baru-baru ini.



Penolong Jurutera Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan, Shahnur Fathiah Abd Karim mengambil sampel air sungai yang telah dicemari sisa buangan terjadual untuk dihantar ke Jabatan Kimia bagi dianalisa semasa pemeriksaan sungai tersebut di Mantin baru-baru ini.